

Kekalkan momentum sehingga temasya Palembang 2014

VIENTIANE - Di luar jangkaan, itu-lah ungkapan awal yang boleh dikatakan mengenai pencapaian Malaysia di pentas Sukan Universiti ASEAN 2012 yang melabuhkan tirai temasya, kelmarin.

Pungutan 60 emas, 48 perak dan 72 gangsa dengan jumlah keseluruhan 180 pingat, mengatasi kutipan yang dilakukan negara lain.

Malah, apa yang lebih mengagumkan semua acara yang disertai atlet negara ada membawa pulang pingat, sekalipun kilauan medal tersebut hanya gangsa.

Pendek kata, tiada sukan yang pulang ke tanah air dengan tangan kosong.

Bukankah itu satu pencapaian luar biasa?

Lebih membanggakan negara ialah pencapaian atlet di kolam renang.

Daripada 40 pingat emas yang dipertandingkan, kita menyapu 21 emas dan lebih 10 rekod baru temasya berjaya dilakar atlet negara.

Yang paling cemerlang adalah Siow Yi Ting dan Khoo Cai Lin, setelah kedua-dua perenang kebangsaan itu masing-masing membawa pulang tujuh pingat emas untuk Malaysia.

Kecemerlangan di kolam renang itu diteruskan setelah barisan atlet terjun yang terdiri daripada Leong Mun Yee, Bryan Nickson Lomas, dan Cheong Jun Hoong menyumbang empat emas untuk negara iaitu jumlah pingat yang sama dipertandingkan pada temasya itu.

Untuk bahasa yang lebih mudah, kita menyapu bersih empat emas yang dipertandingkan. Malaysia sebenarnya bukanlah tandingan negara-negara ASEAN dalam acara terjun.

Penerjun negara kita bertaraf dunia, setakat saingen di rantau ini, sebenarnya memadai buat Malaysia menghantar penerjun yang lebih muda.

Namun, kita tidak dapat berbuat



demikian kerana penerjun-penerjun muda kita masih di bangku sekolah, tidak layak untuk menyertai AUG.

Jadi, apa pilihan yang kita ada ialah mengirimkan atlet terjun yang kesemua mereka merupakan Olimpian negara yang pernah beraksi di pentas Olimpik.

Tanpa kelibat pemenang gangsa Sukan Olimpik, Pendelela Rinong, Malaysia tetap unggul.

Namun, tanpa kontinjen negara sedari, rupa-rupa-rupanya ada di kalangan negara pesaing yang mengharapkan ratu terjun negara itu dapat menyertai AUG 2012.

Anak kelahiran Sarawak itu boleh diibaratkan seperti seorang selebriti, apabila ada pihak yang mendambakan aksinya di pentas AUG.

Dari kolam renang, beralih cerita pula ke acara olahraga yang tidak kurang hebatnya apabila menghadiahkan 11 emas untuk negara tercinta. Sasaran awal hanya

sembilan emas yang dijanjikan oleh skuad olahraga, tetapi tanpa diduga atlet negara meraih lebih daripada yang disasarkan.

Antara kejutan di trek olahraga ialah emas 100 meter wanita yang diraih bekas pelari kebangsaan, Nurul Sarah Abd. Kadir.

Penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) itu menundukkan pemenang emas Sukan SEA 2011, Unani Serafi dari Indonesia.

Selain Nurul Sarah, kejutan di trek olahraga tidak terhenti setakat itu sahaja.

Atlet remaja negara, Mohd. Firduz Mazlan turut merangkul emas yang tidak dijangka apabila anak muda berusia 19 tahun itu memenangi acara akhir 400 meter lari berpagar setelah menewaskan pelari Vietnam, Xuan Cuong Dao yang juga merupakan pemenang emas Sukan SEA 2011.

Meneruskan dominasi emas negara di bumi Laos ini ialah acara karate yang menyumbang tujuh emas.

Malah, emas pertama Malaysia turut dijelmakan menerusi acara seni pertahankan diri itu apabila Chin Jin Wee memenangi acara kata individu wanita.

Rentak cemerlang karate bersambung di lapangan memanah apabila skuad negara berjaya merangkul enam emas, juga melepassi sasaran awal iaitu empat emas.

Diperkuatkan dengan kehadiran pemahar kebangsaan seperti Faten Nurfatihah Mat Salleh, Norhayati Al Madihah Hashim dan Wan Khalimizam Aziz, sudah cukup membantu Malaysia tampil hebat dalam acara tersebut.

Tugas berat menanti kontinjen negara apabila AUG dilangsungkan di Palembang, Indonesia pada 2014, ini kerana mempertahankan kejuaraan adalah lebih sukar daripada melakar sesebuah kejayaan.

- UTUSAN